



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

Ruj. Kami : PSUKPP/05/0755/2
Klt. 2 (21)

Tarikh : 3 R'akhir 1431
19 Mac 2010

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN BIL. 3 TAHUN 2010

POLISI E-MEL RASMI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk melaksana dan menghebahkan Polisi E-mel Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri.
2. Polisi ini merupakan usaha dan langkah-langkah bagi memperjelaskan tatacara penggunaan e-mel, peranan Ketua Jabatan dan pengguna serta langkah-langkah perlindungan dan penguatkuasaan agar lebih terkawal.

LATAR BELAKANG

3. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 3 Tahun 2010 ini adalah selaras dengan Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2003 bertajuk "Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan" daripada MAMPU.
4. Selaras dengan penggunaan e-mel rasmi sebagai satu saluran komunikasi, polisi ini amat penting dikuatkuasakan agar e-mel rasmi digunakan secara berhemah dan diuruskan dengan berkesan.

KANDUNGAN POLISI

5. Polisi E-mel Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini menggariskan dan memperjelaskan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Dasar Kemudahan E-mel;
- (b) Tatacara Penggunaan E-mel;
- (c) Pengarkiban;
- (d) Kawalan Keselamatan E-mel;
- (e) Tanggungjawab Ketua Jabatan;
- (f) Tanggungjawab Pengguna;
- (g) Khidmat Nasihat.

TANGGUNGJAWAB AGENSI

6. Semua agensi Kerajaan Negeri adalah dikehendaki untuk mengambil perhatian kepada Polisi E-mel Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti yang dilampirkan kepada Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan ini.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai 1 April 2010.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"


[DATO ZAINAL RAHIM BIN SEMAN]